

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 5/8/2016

Muka surat: 3

Tajuk : UNIMAS bina mikro hidro di Kpg. Pa'Ramapuh

UNIMAS bina mikro hidro di Kpg. Pa'Ramapuh

BARIO: Majlis Pelancaran dan Penyerahan Projek Mikro Hidro Kampung Pa'Ramapuh A. & B, Bario dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mulu, Datuk Gerawat Jala.

Turut hadir semasa majlis pelancaran adalah Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Dato' Mohamad Kadim Suaidi.

Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan dilaksanakan oleh Pusat Tenaga Boleh Diperbaharui (CREN) dari Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS.

Tapak projek ini yang terletak di sebuah aliran sungai dengan sumber airnya adalah air tadahan daripada kawasan berbukit ini merupakan sebahagian pemangkin kepada perubahan dan memainkan peranan penting dalam merealisasikan matlamat Kerajaan bagi memperbaiki mutu kehidupan rakyat menjelang tahun 2020.

Kampung Pa'Ramapuh ter-

letak di dataran tanah tinggi Kelabit di timur laut, Sarawak dengan aktiviti ekonomi utama penduduk kampung adalah dalam sektor pertanian terutamanya penanaman padi serta penanaman buah sitrus seperti nenas.

Sebelum ini, penduduk kampung bergantung sepenuhnya dengan Janakuasa Diesel sebagai sumber tenaga elektrik bagi menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi dan kegiatan harian mereka.

Hal ini kerana, perkampungan ini tidak disambung dengan bekalan elektrik secara talian Grid.

Tujuan utama projek ini adalah untuk membina serta membuat penyelidikan infrastruktur Hidro-Mikro, menjana dan membekalkan tenaga elektrik menggunakan kuasa hidro (air) ke Kampung Pa'Ramapuh.

Projek ini telah siap sepenuhnya semenjak September 2015 dan kini berada dalam tempoh tanggungan kecacatan sehingga dua belas (12) bulan dan ia telah beroperasi menjana tenaga elektr-

ik secara percuma sehingga kini.

Mempelajari kesan dari bentuk muka bumi tersebut, dan potensi yang sangat cerah untuk menjana kuasa elektrik yang lebih tinggi dari sumber tenaga semulajadi iaitu hidro, yang sedia ada, ahli penyelidikan di Pusat Tenaga Boleh Diperbaharui (CREN) di Fakulti Kejuruteraan UNIMAS telah memohon kepada KeTTHA untuk membiayai satu projek hidro mikro di kampung tersebut.

Objektif utamanya adalah untuk menjana elektrik secara percuma menggunakan kuasa hidro dengan kuasa yang dijana ini, penduduk kampung tidak perlu lagi menghidupkan janakuasa diesel yang memakan belanja besar dan hanya dapat beroperasi pada waktu terhad sahaja.

Bekalan elektrik dari sistem hidro mikro ini akan digunakan untuk kegunaan asas mereka seperti lampu, kipas angin, peti ais berkuasa rendah, televisyen, radio dan sebagainya.